



Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

# RM297j untuk pekebun kecil tanam semula dan baru sawit

Mereka yang layak akan terima bantuan RM7,000 bagi setiap hektar

**R**ANAU: Kerajaan memperuntukkan RM297 juta untuk pekebun kecil menanam semula dan tanam baru sawit pada tahun 2011 sebagai melaksanakan 'Entry Point Projects 1 - EPP1' yang dikenal pasti bagi menjana pendapatan di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian ketika melancarkan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) sempena Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil di sini baru ini.

Beliau berkata, melalui skim TSSPK dan TBSPK, pekebun kecil sawit yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM7,000 bagi setiap hektar tanaman sawit yang diusahakan.

"Objektif skim TSSPK adalah untuk merealisasikan EPP1 iaitu menyelesaikan aktiviti penanaman semula yang tertangguh bagi pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan tidak produktif."

"Kerajaan mensasarkan seluas 15,000 hektar tanaman sawit kebun kecil akan ditanam semula pada tahun 2011 atau 13.75 peratus daripada keluasan berjumlah 109,083 hektar kebun kecil yang telah menjangkau umur 25 tahun."

"Melalui pelaksanaan EPP1 itu dianggarkan sektor sawit berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) berjumlah RM4.6 bilion menjelang 2020."

Tan Sri Bernard Dompok berkata, bantuan RM7,000 sehektar itu meliputi kos penyediaan tapak seperti menebang dan meracik po-

kok tua, membaris, membina teres/parit, membeli dan mananam anak benih, membaja dan meracun.

"Melalui skim TSSPK dan penggunaan anak benih berkualiti serta mengamalkan amalan pertanian baik akan berupaya meningkatkan produktiviti pekebun kecil dan merealisasikan sasaran pencapaian purata nasional hasil buah sawit sebanyak 26 tan/ha pada tahun 2020," katanya.

"Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebulan selama 24 bulan dan akan disalurkan kepada pekebun kecil yang lulus bantuan di bawah skim TSSPK."

"Kita mensasarkan akan menyalurkan BPK ini kepada 1,200 pekebun kecil yang memiliki keluasan maksimum 2.5 hektar tanaman sawit dan memenuhi syarat lain yang ditetapkan sahaja pada tahun ini," katanya.

Sebelum itu, beliau menjelaskan sehingga Disember 2010 dikenal pasti sejumlah 449,415 hektar tanaman sawit seluruh negara telah mencapai umur 25 tahun dan perlu melakukan tanam semula di bawah EPP1.



TAN Sri Bernard Dompok memegang buah sawit selepas pelancaran Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Bantuan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Turut kelihatan (dari kiri) Datuk Dr Ewon Ebin, Dr Joachin Gunsalam, Datuk Siringan Gubat, Datuk Dr Choo Yuen May dan M.Nagarajan.

"Keluasan itu melibatkan 109,083 hektar pekebun kecil sawit dan 340,332 hektar sektor ladang dan kita menjangka akan berupaya melakukan penanaman semula dalam

tempoh tiga tahun," katanya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Parlimen Ranau, Datuk Siringan Gubat; ADUN Paginatan merangkap Menteri Pem-

bangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Dr Ewon Ebin; ADUN Kundsan, Dr Joachin Gunsalam dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



**BANTUAN  
RM 7,000 PER  
HEKTAR**

## SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)

(Projek EPP1 di bawah NKEA)

Jangan Berleengah Lagi....!

**SYARAT PERMOHONAN**

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).
- Mempunyai lesen MPOB
- Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.
- Boleh memohon secara individu atau berkelompok.
- Had maksimum bantuan 40.46 hektar

**BANTUAN PENYELENGGARAAN KEBUN (BPK)**  
BPK sebanyak RM500/bulan akan diberi selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak lebih daripada 2.5 ha secara agregat.
- Bergantung hidup daripada hasil pokok yang akan ditanam semula dan tiada sumber pendapatan tetap yang lain.
- Satu pemohon sahaja layak jika ada penama lain dalam satu geran.
- Layak sekali sepanjang tempoh skim

**KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM**  
Pemohon boleh memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- Pekebun menguruskan sendiri semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang ditentukan oleh MPOB dan input pertanian dari pembekal yang terpilih dan menuntut bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resit/surat akuan bersaksi.
- Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanam semula, menanam dan membekal input pertanian kepada kontraktor yang dilantik oleh MPOB. Pelaksanaan adalah secara individu dan kelompok.

**UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI**

- Hj. Suboh Ismail (Tel: 03-8769 4488/019-228 0731)
- Zulkifli Abd Manaf (Tel: 03-8769 4489/012-226 0595)

**Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian.**

**Tempoh skim : Februari - Disember 2011**

**Tempoh permohonan : Februari - Mei 2011**





Minda

Datuk Dr Choo Yuen May  
KETUA PENGARAH MPOB

Industri sawit merupakan nadi ekonomi Malaysia. MPOB baru-baru ini mengumumkan prestasi industri sawit tahun 2010 yang menunjukkan prestasi amat baik dengan pendapatan eksport produk sawit bernilai RM59.77 bilion berbanding RM49.59 bilion pada 2009. Dalam persekitaran global yang semakin mencabar, inisiatif strategik harus dilaksanakan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Bagi terus berdaya saing, industri sawit harus mengamalkan strategi-strategi yang berwawasan.

Dalam hal ini, MPOB semenjak lebih 10 tahun dahulu telah merangka strategi serampang tiga mata dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mendorong industri terus maju. Strategi ini melibatkan, pertama, strategi berpendapatan tinggi, kedua, strategi mencapai pembuangan sifar, dan ketiga, strategi nilai tambah.

Strategi berpendapatan tinggi berteraskan pengetahuan, inovasi dan produktiviti sebagai landasan dalam penciptaan nilai. Selaras dengan strategi berpendapatan tinggi, usaha R&D turut dikembangkan di sektor hulu dan hilir untuk meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran setiap hektar tanaman sawit. Maka MPOB telah menghasilkan bahan tanaman berhasil tinggi termasuk klon-klon, formulasi baja baru, merangka dan mempromosikan amalan pertanian baik, integrasi tanaman dan ternakan yang semua ini bertujuan meningkatkan pendapatan industri sawit.

Dalam mengejar strategi berpendapatan tinggi sektor pekebun kecil juga diberi perhatian. Pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit untuk kehidupan harian mereka. Kita bertanggungjawab bagi meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi mereka melalui peningkatan produktiviti tanaman sawit. Hasil pendapatan daripada sawit membawa kesan penting dalam mengekalkan kestabilan sosioekonomi golongan ini. Bantuan kerajaan dalam bentuk anak benih sawit berkualiti dan input pertanian seperti baja dan racun akan terus disalurkan kepada mereka yang layak. MPOB juga memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada mereka untuk meningkatkan produktiviti melalui aktiviti TUNAS.

Dalam memanfaatkan strategi pembuangan sifar, penyelidikan MPOB menggunakan biojisim bukan minyak seperti tandan buah kosong, batang sawit, tempurung, gentian mesokarpa, pelepah dan effluen kilang sawit untuk menghasilkan produk serta tenaga telah diusahakan. Penggunaan biojisim serta biogas untuk menjana tenaga elektrik bagi dibekalkan ke grid kebangsaan digalakkan di bawah Small Renewable Energy Power Programme. Kerajaan juga menasaskan semua kilang di negara merangkap biogas daripada effluen sawit menjelang 2020 menerusi Entry Point Project 5 di bawah Program Transformasi Ekonomi. MPOB juga mendapati effluen kilang adalah satu sumber yang kaya dengan bahan antioksidan, terutamanya fenolik sawit, dan merekacipta proses untuk mengekstrak bahan bernilai tinggi ini. Penemuan bahan-bahan fenolik daripada effluen kilang ini membuka peluang komersial dalam industri nutrasetikal yang bernilai jutaan ringgit. MPOB juga turut mengkaji potensi kegunaan komponen-komponen bukan minyak kilang sawit untuk aplikasi sebagai sumber makanan untuk mencapai matlamat pembuangan sifar yang juga mesra alam sekitar.

Bagi strategi nilai tambah pula, MPOB telah menghasilkan produk makanan dan bukan makanan. Ini termasuk minyak sawit merah, minyak berkhasiat 'Smart Balance' dan 'Novelin', Vitamin E, Karotin, biodiesel, produk kosmetik, poliuretana, bahan pencuci dan lain-lain. Terkini, penyelidikan dijalankan telah menemui kewujudan asid shikimic dalam kuantiti yang tinggi di dalam cecair fenolik sawit. Asid shikimic digunakan sebagai bahan mentah dalam penghasilan TAMIFLU untuk mencegah H1N1. MPOB optimis dengan penemuan asid shikimic dan nutrien-nutrien lain akan membuka peluang kepada negara untuk menjadi pembekal utama bahan-bahan bernilai tinggi ini dan sekali gus merealisasikan wawasan untuk menjadi negara maju pada 2020.

Unsur-unsur strategi serampang tiga mata ini terkandung dalam usaha-usaha yang dirancang di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi National Key Economic Areas (NKEA) sektor sawit. Dengan ini, saya percaya masa hadapan industri sawit amat cerah. - choo@mpob.gov.my

# Menteri rasmi POTS Karachi

## Pakistan pengimport utama sawit 2.2 juta tan pada 2010

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir  
fairus@mpob.gov.my

**K**ARACHI: MPOB dan MPOC menganjurkan Palm Oil Trade and Seminar (POTS) di sini pada 17 sehingga 18 Januari lalu yang juga kali kedua diadakan di negara ini selepas POTS 2007.

Perasmian POTS Karachi 2011 disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Tan Sri Bernard Dompok. Turut hadir, Menteri Industri dan Produksi Pakistan, Mir Hazar Khan Bijrani; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Dato' Admad Anuar Adnan; Timbalan KSU I KPPK, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

Dompok sewaktu berucap merasmikan POTS 2011 berkata, Pakistan adalah pasaran penting bagi minyak sawit Malaysia dan menggesa dipertingkatkan lagi kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara terutama membabitkan minyak sawit dan produk berkaitan.

"Pakistan adalah pengimport utama produk sawit Malaysia di rantau Asia Barat dan pada 2010 jumlah importnya 2.2 juta tan. Ia adalah pengimport kedua terbesar minyak sawit selepas China.

"Tema POTS Karachi 2011 iaitu 'Retaining Leadership, Reinforcing Relations' turut mencerminkan hasrat negara untuk mengekalkan Malaysia sebagai pendahulu pasaran di Pakistan dan pada masa sama meningkatkan hubungan kerjasama yang terjalin sejak sekian lama.

"Dengan itu, penganjuran POTS Karachi 2011 dianggap tepat pada masanya bagi menggambarkan kepentingan Pakistan sebagai antara pasaran terbesar bagi



TAN SRI Bernard Dompok melawat pameran sempena POTS Karachi 2011. Turut mengiringi beliau, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Dato' Admad Anuar Adnan (dua dari kanan).

produk sawit Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Malaysian dan Pakistan juga menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement - FTA) sejak tahun 2008, yang mana kedua-dua negara memberi layanan istimewa terhadap barangan import masing-masing.

Sebanyak enam kertas kerja berkaitan minyak dan produk berasas sawit dibentangkan oleh tiga penceramah dari Malaysia dan tiga penceramah dari Pakistan pada Seminar POTS.

Dr Choo membentang Kertas kerja berkaitan industri sawit Malaysia, pemprosesan minyak sawit serta aspek nutrisi minyak sawit. Dr Yusof dan seorang ahli

industri daripada Malaysia turut membentangkan kertas kerja pada seminar ini.

Seramai 270 peserta menghadiri seminar kali ini, manakala 11 buah syarikat menyertai pameran termasuk pameran bersama MPOB dan MPOC.

Syarikat pembuat vanaspati tempatan, Dalda Foods bersama Kuala Lumpur Kepong (KLK) dan Sime Darby dari Malaysia adalah penaja utama dan turut disokong Pakistan Vanaspati Manufacturers Association (PVMA), Pakistan Edible Oil Refiner Association (PEORA) dan Pakistan Soap Manufacturer Association (PSMA). Penutupan POTS Karachi 2011 dilakukan Dr Choo.

# Palanivel lawat India bincang komoditi

Oleh Subashini a/p Nadras  
subashini@mpob.gov.my

**B**ANGI: Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk G Palanivel mengetuai lawatan kerja ke India pada 5 hingga 9 Januari lalu untuk mengukuhkan hubungan kerjasama perdagangan dua hala dengan negara berkenaan.

Sewaktu lawatan, Palanivel membincangkan isu berkaitan perdagangan komoditi yang membabitkan kedua-dua negara disamping mengintai peluang meluaskan pasaran terutamanya bagi komoditi minyak sawit, getah dan kayu-kayuan.

Agensi yang terbabit iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), turut serta dalam lawatan kerja berkenaan.

Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Dr Kalanithi Nesaretnam mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam lawatan itu.

Salah satu perbincangan diadakan dengan Direktorat Vanaspati, Minyak Sayuran dan Lemak (DVVOF) mengenai kadar tarif bagi minyak sawit dan sistem



DATUK G Palanivel (empat dari kiri) bersama delegasi Malaysia sempena lawatan ke India. Turut kelihatan Dr Kalanithi mewakili MPOB (tiga dari kiri).

PDS (pengedaran awam minyak masak untuk golongan miskin).

Pada perbincangan itu Palanivel memohon pihak berkuasa India supaya program PDS yang terhad kepada 10 negeri pada masa ini diperluaskan juga ke negeri lain di India.

Ini membolehkan Malaysia meningkatkan pengekspornan minyak sawit ke India memandangkan terdapat 29 negeri di India.

Pada masa sama beliau menyarankan agar Kerajaan India juga menarik balik tarif sebanyak 7.5 peratus yang dikenakan ke atas minyak sawit di bawah program PDS.

India diwakili Setiausaha Bersama ke-

pada Kerajaan India, dari Jabatan Makanan dan Edaran Awam, Kementerian Urusan Pengeluaran Makanan dan Edaran Umum, Dr Bhagwan Sahai.

Kalanithi pula memaklumkan bahawa MPOB mempunyai formulasi baru vanaspati yang tidak memerlukan proses hidrogenasi bagi mengelakkan pembentukan asid lemak trans yang membahayakan kesihatan.

Perbincangan turut diadakan dengan Persatuan Pengeluar Vanaspati India (IVPA) dan Organisasi Pusat Industri Minyak Bijian (COOIT). Lawatan kerja itu dilihat berupaya meningkatkan jalinan hubungan perdagangan yang erat di antara kedua-dua negara.





## MPOB sertai Seminar Persatuan Minyak Makan Iran

Oleh Mohd Fairus Mohd Hidzir  
fairus@mpob.gov.my

**K**ARACHI: MPOB menyertai '3rd International Conference on Oil Seeds and Vegetable Oils' di Tehran, Iran, baru baru ini dan pada masa sama mengintai peluang meluaskan pasaran minyak sawit di negara itu.

Iran adalah antara pengimport utama produk sawit Malaysia di rantau Asia Barat dengan jumlah import direkodkan pada tahun 2010 hampir 300,000 tan.

Biarpun import dan penggunaan utama minyak sawit di Iran agak terhad berikutan pelbagai sekatan dihadapi terutama sekatan perdagangan tetapi peluang pasaran di Iran tidak patut dipandang ringan.

Peluang pasaran di Iran tetap terbuka luas untuk minyak sawit Malaysia terutama dengan sokongan padu ahli Persatuan Industri Minyak Makan Iran atau Iranian Vegetable Oil Industry Association (IVOI).

Sejak Mac 2010, Kerajaan Iran telah membenarkan import minyak makan dibuat pihak swasta melalui IVOI berbanding hanya oleh Government Trading Corporation of Iran (GTC) sebelum ini. Berikutan itu, IVOI kini memainkan peranan utama mengimport minyak makan bagi keperluan Iran.

Pada 3rd International Conference on Oil Seeds and Vegetable Oils itu, MPOB turut terbabit sebagai salah satu penaja bagi seminar berkenaan dan satu sesi khas berkaitan minyak sawit diadakan pada seminar itu.

Lima kertas kerja berkaitan minyak sawit dibentangkan iaitu tiga oleh penceramah MPOB dan dua daripada MPOC. Pengurus Wilayah Karachi mengetuai delegasi MPOB dan turut membentangkan kertas kerja berkaitan industri sawit Malaysia dan perdagangan minyak sawit Malaysia-Iran.

Kertas kerja berkaitan penggunaan minyak sawit dalam produk makanan dibentangkan Ketua Unit Teknologi Makanan dan Pemakanan MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri manakala Dr Teng Kim Tiu membentangkan kertas kerja berkaitan pemakanan dan nutrisi minyak sawit.

Maklum balas yang diterima daripada ahli IVOI mendapati bahawa input yang dibentangkan MPOB adalah bermaklumat dan memberi manfaat kepada mereka. Bahkan, ahli industri turut mengambil peluang mengadakan perbincangan dengan delegasi MPOB pada seminar berkenaan.

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**P**UTRAJAYA: Kilang Kelapa Sawit (KKS) Ribubonus, Sugut, Sabah, dipilih menerima Anugerah Kategori Pencapaian Kadar Perahan Minyak (Oil Extraction Rate) (OER) Tertinggi Nasional sempena Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2009/2010 yang diadakan baru baru ini.

Pencapaian purata OER KKS Ribubonus sebanyak 25.11 peratus adalah tertinggi mengatasi 418 buah KKS yang beroperasi di seluruh negara pada tahun 2009 dan Purata OER Nasional tahun itu adalah 20.49 peratus.

Anugerah itu adalah sebagai pengiktirafan kepada kilang kelapa sawit yang mencapai kecemerlangan pencapaian OER melebihi kadar ditetapkan iaitu 25 peratus.

Anugerah telah disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok kepada Pengurus KKS Ribubonus, Chan Kai Man. Turut hadir, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Chan berkata, beliau dan pihak pengurusan KKS Ribubonus berbangga dengan anugerah diterima dan akan memastikan prestasi pencapaian OER bagi KKS itu akan terus ditingkatkan pada masa akan datang.

"Kita akan memastikan sasaran kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran minyak sawit dan pendapatan negara di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) kepada RM178 bilion pada tahun 2020 akan dapat direalisasikan.

"Pencapaian OER yang tinggi itu sudah tentu membantu meningkatkan penghasilan minyak sawit sekali gus meningkatkan pendapatan," katanya.

Jelas beliau, Pengurusan KKS Ribubonus juga menetapkan sasaran mencapai purata OER 25 peratus selaras Visi 35:25 yang ditetapkan kerajaan, iaitu mencapai pengeluaran 35 tan Buah Tandan Segar

# KKS Ribubonus terima Anugerah OER Tertinggi

Penghargaan iktiraf kecemerlangan lebih kadar ditetapkan



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan trofi Anugerah Pencapaian OER Tertinggi Nasional 2009/2010 kepada Pengurus Kilang Ribubonus, Chai Kai Man. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) dan Pengurus Ladang Sawit Ribubonus, Colman Ng Pin Wah (kiri).

(BTS) sehektar setahun dan mencapai 25 peratus OER.

"Bagi merealisasikan matlamat itu, KKS Ribubonus mengadakan penggredan yang ketat kepada bekalan BTS yang akan diproses.

"KKS Ribubonus hanya akan memproses BTS berkualiti yang masak saja dan menolak bekalan buah sawit hitam atau buah tidak masak.

"Kita melantik pegawai penggredan yang bertugas untuk membuat

pemeriksaan dan penggredan kepada semua bekalan BTS yang hendak diproses."

"Pegawai penggredan ini ditempatkan di kawasan penerimaan dan pengumpulan BTS dan menjalankan kerja penggredan kepada bekalan BTS yang diterima pada setiap hari, katanya.

Beliau berkata, penyenggaraan kilang juga memainkan peranan penting dan tugas itu dilakukan secara berkala bagi memastikan

keadaan mesin dan peralatan kilang berada dalam keadaan memuaskan.

"Kadar kehilangan dan tumpahan minyak sewaktu pengilangan adalah sangat minimum, iaitu kurang dari 1.6 peratus," katanya.

KKS ini juga tidak mengabaikan tanggungjawab sosialnya dengan menyediakan kemudahan seperti rumah, elektrik dan bekalan air secara percuma kepada pekerja-

## PPK SUBIS terima Anugerah Khas Pengerusi MPOB

Oleh Sudan Ajang  
sudana76@gmail.com

**M**IRI: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Subis, Miri, Sarawak, menerima Anugerah Khas Pengerusi MPOB di atas kejayaannya meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil sawit di sekitar daerah berkenaan.

Anugerah disampaikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok sempena Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2010 kepada Pengerusi PPK Subis merangkap Ahli Jemaah Pengarah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak, Tuai Rumah (TR) Boniface Bada Enjah di Kuala Lumpur, baru baru ini.

PPK Subis didaftarkan pada tahun 1984 dengan keluasan pengendalian 5,404 kilometer persegi meliputi kawasan Miri, Bekenu, Batu

Niah, Niah, Suai dan Bakong.

Boniface berkata, objektif utama PPK Subis adalah meningkatkan taraf sosio ekonomi ahli melalui meningkatkan pengetahuan dan penggunaan teknologi baru sekali gus meningkatkan produktiviti, pendapatan dan membina masyarakat progresif.

"Untuk mencapai matlamat itu, PPKS mengorak langkah ke arah era perniagaan melalui projek korporat dan pengkorporatan bahagian kakitangan mulai September 2002.

"Selepas 26 tahun ditubuhkan, PPK Subis kini boleh dianggap sebagai peneraju industri pertanian di Sarawak.

"Kekuatan PPK Subis terletak pada 5,341 ahli setakat 31 Mei tahun ini, yang terdiri dari berbilang bangsa dan agama," katanya.

Bagi memastikan PPK Subis terus relevan dengan perkembangan sektor pertanian, Kelompok Baja

Terselia (KBT) Subis ditubuh dan dirasmikan pada 20 Ogos 2004 oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi ketika itu, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.

KBT Subis diwujudkan melalui inisiatif MPOB dengan kerjasama Sarawak Oil Palm Berhad (SOPB) sebagai pengilang. PPK Subis sebagai peniaga, pekebun kecil, ahli PPK dan MPOB sebagai pemantau.

Beliau berkata, objektif utama KBT adalah menyediakan program skim kredit baja.

"Program ini menggalakkan pekebun kecil menggunakan baja secara optimum bagi meningkatkan pengeluaran Tandan Buah Segar (TBS) sawit daripada ladang mereka.

"Setakat ini kita memberikan kredit baja sebanyak RM3,000 sehingga RM30,000 bergantung kepada kemampuan menghasilkan buah sawit," katanya

Katanya, penggunaan baja tidak

seimbang dan tidak mencukupi sukatan menyebabkan pengeluaran TBS sawit rendah sekali gus menjelaskan pendapat pekebun sendiri.

Selain itu, KBT turut memberi khidmat nasihat dan pemindahan teknologi yang disediakan oleh pihak MPOB, mewujudkan kerjasama antara ahli dari segi khidmat bantuan teknikal, maklumat dan memberi tunjuk ajar untuk menyelesaikan masalah.

Menurut Boniface, ahli mendapat kemudahan dan keutamaan bagi menimba pelbagai ilmu amalan pertanian seperti pengawalan rumput, penyakit, pembajaan dan penuaian yang diberikan MPOB.

"Di samping itu, ahli terutama pekebun kecil yang baru membabitkan diri dalam penanaman kelapa sawit juga mendapat bantuan anak benih dan input pertanian lain daripada MPOB," katanya.





Oleh Abd Rahim Sani Abdullah  
abdrahim@mpob.gov.my

# Pendapatan eksport minyak sawit RM59.77b pada 2010

## Meningkat 20.4 peratus berbanding RM49.6 bilion tahun 2009

### FAKTA

#### RINGKASAN PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA 2010

	2009	2010	Diff. (%)
<b>● KELUASAN (Hektar)</b>			
■ Tanaman	4,691,160	4,853,766	3.5
<b>● PENGELUARAN (Tan)</b>			
■ Minyak Sawit Mentah	17,564,937	16,993,715	-3.3
■ Isirung Sawit	4,500,683	4,292,077	-4.6
■ Minyak Isirung Sawit Mentah	2,097,061	2,014,943	-3.9
■ Dedak Isirung	2,312,227	2,242,227	-3.0
■ Produk Oleokimia	2,168,930	2,327,865	7.3
<b>HASIL BTS (Tan/Hektar)</b>			
■ Semenanjung Malaysia	19.36	17.91	-7.5
■ Sabah	21.15	20.16	-4.7
■ Sarawak	15.29	14.89	-2.6
■ Malaysia	19.20	18.03	-6.1
<b>● HASIL MINYAK SAWIT (Tan/Hektar)</b>			
■ Semenanjung Malaysia	3.86	3.57	-7.5
■ Sabah	4.52	4.30	-4.9
■ Sarawak	3.24	3.10	-4.3
■ Malaysia	3.93	3.90	-0.8
<b>● OER (%)</b>			
■ Semenanjung Malaysia	19.93	19.91	-0.1
■ Sabah	21.35	21.33	-0.1
■ Sarawak	21.20	20.85	-1.7
■ Malaysia	20.49	20.45	-0.2
<b>● EKSPORT (Tan)</b>			
■ Minyak Sawit	15,880,744	16,659,255	4.9
■ Minyak Isirung Sawi	1,117,478	1,163,838	4.1
■ Dedak Isirung	2,381,571	2,443,383	2.6
■ Produk Oleokimia	2,174,667	2,221,125	2.1
■ Biodiesel	227,457	89,609	-60.6
■ Produk Akhir	580,233	409,817	-29.4
■ Lain-lain	64,898	66,453	2.4
<b>■ JUMLAH EKSPORT (Tan)</b>	<b>22,427,050</b>	<b>22,427,050</b>	2.8
<b>● PENDAPATAN EKSPORT (RM juta)</b>			
■ Minyak Sawit	36,947.6	44,844.8	21.4
■ Minyak Isirung Sawit	3,021.2	4,342.4	43.7
■ Dedak Isirung	496.1	743.0	49.7
■ Produk Oleokimia	6,582.9	8,028.8	22.0
■ Biodiesel	605.8	266.5	-56.0
■ Produk Akhir	1,913.2	1,464.6	-23.4
■ Lain-lain	92.2	81.4	-11.7
<b>■ JUMLAH (RM Juta)</b>	<b>49,659.0</b>	<b>59,771.5</b>	20.4
<b>● IMPORT (Tan)</b>			
■ Palm Oil	930,179	1,112,169	19.6
■ Palm Kernel Oil	344,293	445,066	29.3
<b>● STOK AKHIR (Tan)</b>			
■ Minyak Sawit	2,239,257	1,614,671	-27.9
■ Isirung Sawit	129,249	92,913	-28.1
■ Minyak Isirung	305,912	243,235	-20.5
■ Dedak Isirung	320,008	169,397	-47.1
<b>● HARGA (RM / Tonne)</b>			
■ Buah Tandan Segar (1% OER)	22.62	29.48	30.3
■ Isirung Sawit (EX-Mill)	1,070.00	1,735.50	62.2
■ Minyak Sawit mentah (Hantaran tempatan)	2,244.50	2,704.50	20.5
■ Minyak Isirung Sawit (Hantaran tempatan)	2,341.50	3,637.00	55.3
■ RBD Minyak Sawit (FOB)	2,342.00	2,801.50	19.6
■ RBD Minyak Olein (FOB)	2,447.00	2,852.50	16.6
■ RBD Minyak Sterin (FOB)	2,076.50	2,701.00	30.1
■ PFAD (FOB)	1,553.50	2,310.00	48.7

**P**RESTASI industri minyak sawit Malaysia adalah bercampur-campur pada tahun 2010. Pendapatan eksport produk sawit amat memberangsangkan dengan peningkatan RM10.11 bilion atau 20.4 peratus kepada RM59.77 bilion berbanding RM49.6 bilion pada tahun 2009.

Harga minyak sawit mentah (MSM) meningkat sebanyak 20.5 peratus kepada RM2,704.50 satu tan. Pengeluaran minyak sawit mentah menurun sebanyak 3.3 peratus kepada 16.99 juta tan dan stok minyak sawit juga menyusut sebanyak 27.9 peratus kepada 1.61 juta tan berbanding tahun 2009. Import minyak sawit mencatat kenaikan sebanyak 19.6 peratus kepada 1.11 juta tan.

Tahun 2010, keluasan tanaman sawit di Malaysia mencapai 4.85 juta hektar, meningkat 3.5 peratus berbanding 4.69 juta hektar pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu, kawasan matang adalah 4.2 juta hektar atau 87 peratus dan kawasan muda sebanyak 0.65 juta hektar atau 13 peratus. Semenanjung Malaysia mempunyai keluasan 2.52 juta hektar atau 52 peratus, Sabah sebanyak 1.41 juta hektar (29 peratus) dan Sarawak sebanyak 0.92 juta hektar (19 peratus).

Purata hasil buah tandan segar (BTS) merosot 6.1 peratus kepada 18.03 tan sehektar berbanding 19.20 tan sehektar berbanding tahun sebelumnya. Purata hasil BTS di Semenanjung Malaysia jatuh 7.5 peratus kepada 17.91 tan sehektar berbanding 19.36 tan sehektar tahun 2009. Sabah juga jatuh sebanyak 4.7 peratus kepada 20.16 tan sehektar berbanding 21.15 tan sehektar. Hasil BTS Sarawak juga menurun sebanyak 2.6 peratus kepada 14.89 tan sehektar berbanding 15.29 tan sehektar pada tahun 2009.

Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) merosot sebanyak 3.3 peratus kepada 16.99 juta tan daripada 17.56 juta tan pada tahun sebelumnya. Keadaan panas dan kering berpunca dari fenomena El Nino pada setengah tahun pertama menyebabkan kemerosotan hasil tandan buah segar (FFB) sebanyak 6.1 peratus dan kejatuhan kadar perahan minyak sawit mentah (OER) sebanyak 0.2 peratus.

Selain itu, hujan yang berlebihan berpunca dari fenomena La Nina pada setengah tahun kedua juga memberi kesan negatif ke atas pengeluaran.

Program penanaman semula (SITS) yang bermula pada tahun 2008 dan 2009 juga mempengaruhi pengeluaran CPO pada tahun 2010. Seju mlah 207,754 hektar pokok kelapa sawit yang mencapai tempoh matang ditebang untuk tanaman semula bagi kedua-dua tahun berkenaan yang menyebabkan pengurangan pengeluaran MSM dianggarkan sebanyak 350,000 hingga 400,000 tan pada tahun 2010.

Pengeluaran isirung sawit dan pengeluaran minyak isirung sawit mentah juga mengalami kemerosotan iaitu masing-masing seba-

nyak 4.6 peratus kepada 4.29 juta tan dan 3.9 peratus kepada 2.01 juta tan.

Semenanjung Malaysia mengalami kejatuhan pengeluaran MSM sebanyak 6.1 peratus kepada 9.50 juta tan dan Sabah menurun sebanyak 2.5 peratus kepada 5.32 juta tan tetapi Sarawak meningkat sebanyak 9.3 peratus kepada 2.18 juta tan.

Jumlah eksport produk sawit pada 2010 yang merangkumi minyak sawit, minyak isirung sawit, dedak isirung, oleokimia, biodiesel dan produk akhir meningkat sebanyak 0.63 juta tan atau 2.8 peratus kepada 23.05 juta tan daripada 22.43 juta tan yang dicatat pada tahun sebelumnya. Jumlah pendapatan eksport turut melonjak RM10.11 bilion atau 20.4 peratus kepada RM59.77 bilion berbanding RM49.66 bilion pada tahun 2009 berikutan harga eksport produk sawit yang tinggi.

Eksport minyak sawit meningkat 4.9 peratus kepada 16.66 juta tan dalam tahun 2010 berbanding 15.88 juta tan tahun 2009. Peningkatan disebabkan pertambahan eksport minyak sawit negara ke Pakistan, Mesir, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, UAE dan Vietnam.

Eksport minyak sawit ke Pakistan meningkat dengan ketara sebanyak 20.6 peratus kepada 2.13 juta tan ekoran penurunan berterusan import minyak sawit dari Malaysia kepada 15 peratus *Margin of Preference* (MoP) hasil dari Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Pakistan.

Eksport ke Mesir juga mencatat peningkatan 54.1 peratus kepada 0.94 juta susulan dari aktiviti pengeksporan semula minyak sawit ke negara jiran, terutama Sudan.

Eksport minyak isirung sawit meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada 1.16 juta tan pada tahun 2010. Amerika Syarikat adalah pasaran utama dengan jumlah sebanyak 0.26 juta tan (22.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak isirung, diikuti Republik Rakyat China sebanyak 0.21 juta tan (17.7 peratus), Kesatuan Eropah 0.12 juta tan (10.1 peratus) dan Jepun 0.09 juta tan (8 peratus).

Eksport isirung sawit juga meningkat 2.6 peratus kepada 2.44 juta tan. Pasaran utama produk ini ialah Kesatuan Eropah dengan eksport sebanyak 1.00 juta tan (41.1 daripada jumlah keseluruhan eksport isirung sawit), New Zealand 0.64 juta tan (26.2 peratus) dan Korea Selatan 0.46 juta tan (18.9 peratus).

Eksport produk oleokimia meningkat 2.1% kepada 2.22 juta tan. Produk utama olekimia yang dieksport ialah asid lemak 0.82 juta tan (36.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport olekimia), diikuti dengan fatty alcohol 0.47 juta tan (21.2 peratus), soap noodle 0.41 juta tan (18.5 peratus), methyl ester 0.28 juta tan (12.6 peratus) dan glyserin 0.23 juta tan (10.4 peratus).

Eksport produk akhir merosot 29.4 peratus kepada 0.41 juta tan berbanding 0.58 juta tan yang dicatat pada tahun 2009. Produk utama yang dieksport ialah *shortening*, *vegetable/dough fats*, *cocoa-butter substitute/equivalent/replacer* dan lemak sayuran/vanaspati masing-masing sebanyak 215,004 tan, 43,973 tan, 41,819 tan dan 39,141 tan.

Eksport biodiesel turut merosot dengan ketara sebanyak 60.6 peratus kepada 0.09 juta tan berbanding 0.23 juta tan yang dicatat pada tahun 2009. Eksport pada tahun 2010 tertumpu kepada aktiviti pengeksporan semula biodiesel melalui Indonesia dengan penguasaan sebanyak 45,072 tan (50.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport). Eksport terus ke negara pembeli lain ialah Kesatuan Eropah 40,660 tan (45.4 peratus), diikuti Amerika Syarikat 3,482 tan (3.9 peratus).

Stok minyak sawit ditutup sebanyak 1.61 juta tan pada akhir tahun 2010, merosot sebanyak 27.9 peratus berbanding 2.24 juta tan yang dicatat pada akhir tahun sebelumnya.

Harga minyak sawit mentah (MSM) diurusniagakan tinggi pada paras RM2,548.50 satu tan pada setengah tahun pertama 2010. Kekukuhan harga MSM ini yang dipengaruhi sentimen positif pasaran lanjutan dari keruncingan bekalan minyak sayuran dunia di samping paras stok MSM yang rendah di pasaran tempatan. Sehubungan itu, purata harga MSM pada tahun 2010 meningkat sebanyak RM464.50 atau 20.8 peratus kepada RM2,701.00 satu tan berbanding RM2,236.50 satu tan pada tahun 2009.

Purata harga isirung sawit pada tahun 2010 juga meningkat sebanyak RM665.50 atau 62.2 peratus kepada RM1,735.50 satu tan berbanding RM1,070.00 satu tan pada tahun sebelumnya.

Kesan daripada keseluruhan peningkatan harga MSM dan isirung sawit pada tahun 2010, purata harga buah tandan segar (BTS) juga meningkat sebanyak 30.3 peratus kepada RM605 satu tan berbanding RM465 satu tan pada tahun 2009.



# 34 peserta terima Diploma Pengurusan Ladang MPOB

## IDOPMT tumpu penggunaan teknologi perladangan sawit



PEMANGKU Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo (lima dari kiri) dan Pemangku Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Dr Ahmad Kushairi Din (enam dari kiri) bersama peserta kursus IDOPMT selepas upacara penyampaian diploma tersebut.

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**B** ANGI: Seramai 34 peserta dari pelbagai organisasi tempatan dan luar negara menerima diploma masing-masing selepas berjaya mengikuti Program Diploma Intensif Pengurusan dan Teknologi Kelapa Sawit ke 12 (12th IDOPMT) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Diploma disampaikan Pemangku Timbalan Ketua Pengarah

(Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo yang mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May pada satu majlis yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Dalam ucapan penutup program berkenaan Dr Choo berkata, IDOPMT adalah program yang memberi tumpuan kepada keseluruhan aspek pengurusan perladangan sawit terutama penggunaan teknologi di sektor perladangan.

Katanya, peserta didedahkan

dengan penggunaan teknologi terkini dalam industri sawit meliputi pelbagai bidang melalui perbincangan dan interaksi dengan pakar sepanjang program dilaksanakan.

"Interaksi dan perkongsian pengalaman sesama peserta dari pelbagai organisasi dan negara turut meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai pengurusan dan teknologi yang digunakan dalam industri sawit," katanya.

Tambahnya, diploma yang diperolehi melalui program berke-

naan adalah aset kepada peserta untuk membina kerjaya lebih cemerlang dalam sektor perladangan.

Sejak dilaksanakan pada 1999, IDOPMT disertai 293 peserta dari 13 negara seperti Angola, Nigeria, Columbia, Sudan, Myanmar, Thailand dan Malaysia.

Program IDOPMT dilaksanakan selama tiga bulan dengan menggabungkan kaedah teori dan amali yang memerlukan peserta menjalani latihan praktikal di ladang terpilih.

## Portal e-Benih urus niaga secara online

Oleh Mohd Azmi Kulop Ismail  
azmi@mpob.gov.my

**K**ELANA JAYA: MPOB memperkenalkan dan melancarkan portal e-benih sawit bagi biji dan anak benih sawit yang diurusniagakan secara online sejajar perkembangan industri sawit yang semakin dinamik dan mencabar pada masa ini.

Portal itu dilancar secara rasmi sempena Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2010 oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, di sini, baru baru ini.

Pendekatan ini adalah salah satu langkah bagi memastikan pengumpulan dan hebahan maklumat kepada pihak industri sawit dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat.

Justeru, pengenalan portal e-benih sawit ini adalah satu platform untuk memudahkan pengeluar biji benih dan pengusaha tapak semeaian bagi menjalankan urus niaga jual beli bahan tanaman mereka secara online.

Wujudnya portal ini pihak industri berupaya menjalinkan hubungan sesama mereka serta menjalankan perniagaan yang lebih cekap dan harmonis demi kepentingan industri sawit negara.

Portal ini boleh dilayari di <http://e-benihsawit.mpob.gov.my>

Sektor bahan tanaman yang terdiri daripada pengeluar biji benih dan pengusaha tapak semeaian adalah sektor utama dan awal membentuk jalinan 'supply chain' dalam industri sawit.

Sehubungan itu pembekalan dan permintaan bahan tanaman adalah faktor utama memastikan industri sawit meningkatkan produktiviti dan berdaya saing untuk mencapai kecemerlangan.

Transaksi utama portal ini membabitkan transaksi biji benih bercambah, transaksi anak benih, tempahan bahan tanaman, pembatalan urus niaga dan penghantaran tempahan.

Estet yang memerlukan bekalan bahan tanaman dapat manfaat melalui portal ini untuk membuat tempahan bekalan. Begitu juga syarikat perladangan, pekebun kecil atau orang perseorangan yang memerlukan bekalan bahan itu boleh menggunakan portal ini untuk membuat tempahan dan belian.

Portal ini memberi faedah kepada pengguna seperti urus niaga belian dan jualan bagi bahan tanaman sawit lebih telus, cepat, menjimatkan masa dan kos disamping pembekal bahan tanaman boleh mempromosi bahan tanaman sawit yang mereka ada untuk jualan terus kepada pembeli.

Semua pembekal bahan tanaman melalui portal ini berlesen dengan MPOB dan bahan tanaman adalah tulen, berkualiti dan pada masa sama MPOB berupaya memantau status penawaran dan permintaan bahan tanaman.

## Koperasi Pekebun Kecil sumbang hasil minyak sawit mapan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**K**LUANG: Peningkatan produktiviti dan kualiti minyak sawit melalui amalan mapan adalah langkah utama bagi meningkatkan sumbangan industri sawit dalam pembangunan ekonomi negara.

Satu strategi bagi merealisasikan matlamat itu, Kerajaan melalui MPOB mengambil inisiatif menyatukan pekebun kecil dalam melaksanakan amalan pertanian baik dan pengurusan kebun sawit sempurna.

"Penyatuan pekebun kecil dalam gerakan koperasi setempat yang melaksanakan amalan pertanian baik bagi mencapai pengeluaran hasil tinggi dan berkualiti

adalah landasan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil serta pengeluaran minyak sawit mapan" kata Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dalam ucapannya ketika melancarkan Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan Kluang Utara, Johor, di sini, baru-baru ini.

Katanya, strategi meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mapan membabitkan penyertaan dan kerjasama dari pekebun kecil.

"Peningkatan hasil sawit akan meningkatkan pendapatan dan kemajuan sosio ekonomi penduduk luar bandar serta menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi negara.

"Selain itu, pembabitkan pekebun kecil dalam gerakan koperasi sawit mapan juga sejajar matlamat bagi meningkatkan pengeluaran minyak sawit secara mapan dan mesra alam," katanya.

Katanya, pengeluaran sawit mapan penting bagi memenuhi permintaan pengguna luar negara terhadap produk sawit yang dihasilkan secara selamat untuk pemakanan.

"Pengeluaran sawit mapan juga menerapkan tanggungjawab sosial, kepentingan penjagaan alam sekitar dan nilai-nilai kemasyarakatan akan dapat mengimbangi tuntutan ekonomi dan kesejahteraan alam bagi kepentingan generasi akan datang.

Beliau berkata, penggunaan teknologi dan teknik terbaru seperti

benih bermutu tinggi, pembajaan sempurna, kawalan penyakit dan perosak serta penggunaan mekanisasi di ladang berupaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Koperasi Penanam Sawit Mampan Kluang Utara adalah yang kelima ditubuhkan selepas dua koperasi dilancarkan di Sabah iaitu di Tongod dan Kunak serta masing-masing satu di Saratok, Sarawak dan Jasin, Melaka.

Penubuhan koperasi yang disertai pekebun kecil sawit sejajar sasaran peningkatan pendapatan industri sawit kepada RM178 bilion pada tahun 2020 di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).





**“ Pada 2005 jumlah hasil yang dikeluarkan adalah sebanyak 24 tan/perhektar/setahun dan meningkat kepada 25 tan (2006), 27 tan (2007), 33 tan (2008) dan 37 tan (2009)”**  
**Abdul Wahab Ismail**  
*Pekebun sawit contoh*

**“ Atas usaha yang dijalankan dan peningkatan hasil yang dicatatkan Abdul Wahab menerima Anugerah Pekebun Kecil Sawit Terbaik (Semenanjung) pada Anugerah Industri Sawit**

**“ Pegawai TUNAS, Engku Norsupian Ardi banyak memberikan bimbingan kepada saya dalam soal penjagaan pokok dan pengurusan kebun”**

Oleh Azran Jaffar

**D**I WAKTU beberapa rakan tergeda dengan prospek pokok sentang dicanang pihak yang membuat promosi di daerahnya, beliau turut berkira-kira menyertanya, malah mula membersihkan tanahnya seluas kira-kira lapan ekar (kira-kira 3.2 hektar) yang sebelum ini sudah menjadi hutan lara untuk diisi dengan pokok dari spesies balak itu.

Namun sebelum memulatkan fikirannya Abdul Wahab Ismail, 70, bertanya pada dirinya sudah adakah orang yang menanam sentang menjadi jutawan, sementelah ada rakan yang sudah mula hendak menanam.

Pertemuan dengan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bentong, Pahang, mengubah congak Abdul Wahab dan beliau dinasihatkan menanam kelapa sawit atas alasan pokok sentang tidak dapat memberi hasil seperti diharapkan.

“Waktu itu tahun 2000. Oleh kerana tanah sudah dibersihkan, saya terus menempah kira-kira 400 anak kelapa sawit yang ketika itu berharga RM6.30 sepokok dari Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PSAFN),” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pagat Sasak, Keco, Kuala Lipis, Pahang, baru-baru ini.

Usaha Abdul Wahab mula memberikan pulangan selepas dua tahun menanam. Bagaimanapun hasil diperolehi tidaklah rangsangkan kerana beberapa masalah dalam mengurus dan menyelenggara kebun yang dibudinya.

“Satu daripada masalah adalah berkaitan baja. Saya masih kurang pengetahuan dalam perkara ini. Saya guna baja sebatan NPK. Bila ada orang cakap pula ada baja jenis lain yang baik, saya pun ikut sehinggalah saya pernah mendapatkan baja dari Dungun, Terengganu kerana mendengar pandangan diberikan juga kerana kesukaran mendapatkan baja.

“Sehinggalah pada tahun 2005 yang mana ketika itu saya yang juga Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Lipis bertemu dengan Pegawai TUNAS Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Engku Norsupian Ardi Engku Nordin, yang memberikan saya penerangan amat berguna terhadap usaha pertanian yang dijalankan,” katanya.

Katanya, Engku Norsupian Ardi banyak memberikan bimbingan kepadanya dalam soal penjagaan pokok dan pengurusan kebun terutama berkaitan baja dan mengesyorkan menggunakan baja yang dikeluarkan MPOB.

“Masa beliau datang melawat kebun, daun pokok sawit saya banyak yang kuning kesan penyelenggaraan yang tidak begitu teratur dan selepas nasihat diberikan dan proses pemuliharaan dilakukan perubahan mula kelihatan selain hasil yang dikeluarkan menampakkan peningkatan,” katanya.

Pertemuan dengan Engku Norsupian Ardi membuatkan Abdul Wahab mula menggunakan baja sebatan MPOB FI. Beliau melakukan pembaikan melalui kaedah lain serakah dan bulatan dengan kekeiran tiga kali setahun pada kadar 2.5 kilogram sepokok untuk satu pusingan.

Pada 2005 jumlah hasil yang di-

# Abdul Wahab Pekebun Kecil Sawit terbaik semenanjung

## Warga emas dari Pahang terima bimbingan MPOB mengenai kaedah penyelenggaraan untuk peringkat hasil keluaran buah sawit



HAJI Wahab bersama ternakan lembu yang diusahakan secara integrasi dengan tanaman sawit.



PEGAWAI TUNAS, Engku Norsupian Ardi bersama Haji Wahab berbincah mengenai hasil buah sawit dari kebunnya.



HAJI Wahab di kandang kambing yang diusahakan secara integrasi dengan tanaman sawit.



HAJI Wahab bersama isteri menunjukkan trofi Anugerah Pekebun Kecil Terbaik 2009/2010 dan Sijil Penghargaan yang diterima pada majlis Anugerah Industri Sawit Malaysia di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

keluarkan adalah sebanyak 24 tan/perhektar/setahun dan meningkat kepada 25 tan (2006), 27 tan (2007), 33 tan (2008) dan 37 tan (2009).

Atas usaha yang dijalankan dan peningkatan hasil yang dicatatkan Abdul Wahab menerima Anugerah Pekebun Kecil Sawit Terbaik (Semenanjung) pada Anugerah Industri Sa-

wit 2009/2010, baru-baru ini. Dengan dibantu dua anak lelaki-nya dan tiga pekerja, Abdul Wahab mampu tersetuju puas dengan usaha yang dilaksanakan yang memperkanya pulangan lumayan.

Bagaimanapun seorang daripada anaknya akhirnya mengambil keputusan untuk bekerja bukan gaji.

“Beliau beritahu saya nak merasa kerja makan gaji, saya benarkan. Tapi saya kasihankan juga abangnya kerana banyak perkara yang hendak diuruskan, dengan kebun kelapa sawit, kebun getah dan urusan lain,” kata bapa kepada enam anak itu hasil perkongsian hidup dengan Siti Esah Abdullah.

Apa pun, hasil yang diperolehi tidak membuatkan Abdul Wahab terus berdamai dan menumpukan kepada kebun seluas lapan ekar itu semata-mata. Sebaliknya, ia meningkatkan ‘keghairahannya’ untuk terus menambah perolehan keluarga.

Justeru pada tahun 2008 Abdul Wahab mengambil keputusan mengu-

sahakan sendiri kebun kelapa sawit seluas 15 ekar miliknya yang sebelum ini diusahakan sebuah agensi pemuliharaan tanah.

“Sebelum ini hasil yang saya peroleh sangatlah kecil dan apabila saya mengusahakan sendiri dan selepas ditolak kos apa yang saya dapat jauh lebih baik,” kata Abdul Wahab yang terpaksa mengeluarkan belanja lima angka untuk mendapatkan semula hak mengusahakan tanahnya itu.

Ditanya mengapa beliau membekir tanah yang agak luas untuk diusahakan pihak lain, Abdul Wahab berkata: “Masa tu tahun 80-an... yalah orang kampung, tak berapa nak kudrat dan tak berapa nak pandai.

“Tapi masa saya usahakan kebun saya yang lapan ekar tu saya dah 80 tahun, syukur saya dapat melakukannya... bagaimanapun ini juga adalah hasil dorongan dan bimbingan yang diberikan Engku Norsupian,” katanya sambil memandang kepada Engku Norsupian Ardi yang turut hadir pada pertemuan itu.

Hasil komitmen yang ditunjukkan terhadap bimbingan diberikan MPOB, kira-kira dua tahun lalu, Abdul Wahab diberikan 11 baka kambing Boer terdiri daripada sekor jantan dan sepuluh betina untuk dibakkan melalui kaedah integrasi sawit dan kambing.

“Inilah tambahan kepada ternakan lembu yang diusahakan, hasil hadiah diperolehi kerana dipilih sebagai Peladang Jaya Lelaki. Selain terbahit dalam tanaman kelapa sawit, Abdul Wahab turut mengusahakan tanaman getah seluas 22 ekar, dusun buah-buahan seluas enam ekar dan kedai barangan runcit.

Sementara itu, Engku Norsupian Ardi berkata, pada awalnya beliau mengambil masa untuk meyakinkan Abdul Wahab untuk mengikut kaedah penanaman yang disorkan MPOB, namun selepas beberapa kali sesi pertemuan Abdul Wahab mula yakin dan dapat mengikutinya.

“Kehadiran kami adalah untuk membantu kerana tanpa kaedah betul pekebun sukar mendapat hasil yang tinggi dan ini merugikan mereka selain memberi risiko kepada tanaman,” katanya.

Kini Abdul Wahab mampu menarik nafas lega melihat hasil kesungguhan dilakukan dalam mengusahakan tanaman sawit dan berharap dapat menurunkan ilmu yang dimiliki kepada anak-anaknya.

“Apa pun, ini semua hasil bimbingan pegawai TUNAS,” katanya.





PENGURUS Kilang Sawit Jengka 3, Md Isa Hassan (tengah) bersama Penolong Pengurus Operasi, Wan Kamal Fahmi Wan Fikri (kiri) dan Pengurus Penyenggaraan, Mohd Faizal Ahmad, bersama trofi dan sijil Anugerah Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi yang dimenangi oleh kilang itu pada Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/2010



BTS berkualiti rendah untuk dihapuskan.

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
sitiurazlinee@bharian.com.my

# KKS Felda Jengka 3 amal prinsip 'masuk tidak boleh keluar'

Pembekal tidak dibenar ambil buah sawit yang ditolak selepas penggredan

**W**ALAU PUN dikatakan tegas dalam urusan perniagaan melalui prinsip, 'masuk tidak boleh keluar' terhadap buah sawit yang dihantar pembekal untuk penggredan dan proses bagi menghasilkan minyak sawit, namun apa yang dilakukan oleh Kilang Kelapa Sawit (KKS) Felda Jengka 3, Pahang, nyata berkesan terutama dari sudut peningkatan kadar perahan minyak 'Oil Extraction Rate' (OER).

Sebagai satu-satunya daripada 418 buah KKS seluruh negara mengamalkan kaedah itu, apa yang dilakukan ialah pembekal tidak dibenarkan mengambil semula buah sawit tidak berkualiti yang ditolak selepas proses penggredan.

KKS Jengka 3 hanya memproses buah sawit masak selepas penggredan dan tidak memproses buah sawit berkualiti rendah merupakan formula utama kejayaan mencapai OER yang tinggi.

Hasil semangat tidak berputus asa seperti slogan tertera di hadapan laluan masuk ke kilang itu, 'Usah biarkan peluh yang keluar memadamkan semangat kita' memberi impak apabila berjaya mengungguli sebanyak tiga kali berturut-turut Anugerah Industri Sawit Malaysia bagi Kategori Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi Bekalan Buah Tandan Segar (BTS) Luar untuk Kilang Sawit.

Terbaru, anugerah bagi tahun 2009/2010 diterima pada acara tahunan Majlis Anugerah Q dan Makan Malam sempena sambutan Minggu Kualiti MPOB 2010.

Pengurus Kilang Sawit Jengka 3, Md Isa Hassan, ketika ditemui di kilang berkenaan baru-baru ini berkata, Kilang memproses 68 peratus buah sawit bekalan luar dan selebihnya buah sawit sendiri dari Rancangan Felda.

Beliau mempunyai penjelasan sendiri berhubung prinsip yang digubal itu dan sering mencari idea baru untuk meningkatkan prestasi kilang.

Katanya, kilang akan melupuskan buah sawit tidak berkualiti



MD ISA menjelaskan kaedah penggredan BTS yang diamalkan oleh kilang.

yang ditolak selepas penggredan kerana biasanya pembekal akan mengambil semula dan menjual ke kilang atau pembeli lain.

"Saya tidak mahu mereka memandang ringan perkara ini, jadi saya ambil inisiatif tidak memulangkan semula buah sawit kepada mereka supaya lain kali, jika mereka datang ke sini, hanya buah sawit yang berkualiti saja dibekalkan," katanya.

Beliau berkata, walaupun pada awalnya ramai mempertikaikan cara kerjanya, tetapi kini kaedah itu semakin diterima.

"Biasalah manusia... susah me-

nerima perubahan tetapi lama kelamaan ia akan sehati dengan jiwa mereka," katanya.

Menambah sebab mengamalkan prinsip 'masuk tidak boleh keluar', Md Isa menjelaskan, ia bukan untuk menyusahkan mereka tetapi satu kaedah untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti minyak sawit.

"Buah sawit yang tidak boleh dibawa keluar dari kilang akan dilupuskan. Pihak kilang menyediakan kawasan khas untuk tujuan itu.

"Bagi meningkatkan OER dan kualiti minyak sawit, kilang kami

hanya mengambil dan memproses buah sawit masak saja dan penggredan kualiti buah sawit dilakukan 100 peratus oleh empat 'grader' dengan 12 pembantu untuk tujuan itu," katanya.

Dengan operasi dibantu dua penolong pengurus dan 42 pekerja serta 44 operator, kilang sawit Jengka 3 berjaya mencapai 21.28 peratus OER pada tahun 2010 meningkat 0.44 peratus berbanding pencapaian tahun 2009, iaitu 20.84 peratus.

Pencapaian 21.28 peratus OER itu adalah tertinggi bagi kilang sawit di Semenanjung Malaysia untuk kategori bekalan BTS luar.

Md Isa berkata, untuk memastikan peningkatan OER, pengurusan kilang tidak menerima bekalan buah sawit yang di siram air, bercampur batu, tanah, pasir, tandan kosong dan sentiasa mengingatkan pembekal supaya memastikan bekalan buah sawit mereka tidak mengandungi bahan berkenaan.

Selain itu, beliau turut menjalankan kajian terhadap buah sawit dengan mengambil sampel buah sawit yang dihantar biasa ke kilangnya.

"Saya dan pembantu akan mengambil sampel buah sawit yang dihantar semua pembekal untuk di kaji dan hasil kajian itu, saya boleh tahu sama ada buah sawit itu mempunyai kandungan minyak tinggi atau rendah.

"Sampel selalunya diambil jika musim penghantaran itu adalah musim tengkujuh, panas terik dan hujan kadangkala panas. Dengan cara itu, saya tahu kualiti buah sawit itu dan kandungan minyak," katanya.

Kilang sawit Jengka 3 mula beroperasi pada 10 Mei 1984 itu mempunyai empat tangki penyimpanan minyak sawit berkapasiti 5,900 tan dan berupaya beroperasi 24 jam.

Kilang itu turut menyediakan kemudahan kepada pekerjaanya seperti pengangkutan serta pemandu untuk membawa anak-anak pekerja ke sekolah, klinik dan pasar raya selain membayar kontraktor untuk mengangkut sisa buangan dari rumah pekerja.

Md Isa berkata, perkhidmatan yang disediakan itu bertujuan supaya pekerja boleh menjalankan tugas mereka sebaik mungkin sekali gus dapat meningkatkan produktiviti.



# Subsidi harga minyak masak kurangkan beban

Oleh M Nagarajan  
naga@kppk.gov.my  
(SUB MSLS, Kementerian  
Perusahaan Perladangan dan  
Komoditi)

**P**UTRAJAYA: Harga minyak masak berasaskan sawit mencatat kenaikan berikutan kenaikan harga minyak sayuran di pasaran dunia. Harga minyak masak berasas sawit berada di paras RM4,000 satu tan ber-

banding RM2,600 pada tahun 2007.

Minyak masak adalah antara barangan kawalan. Oleh yang demikian, walaupun harga minyak masak berasaskan sawit mencatat kenaikan, Kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga memandangkan kesannya kepada barangan asas lain serta membendung tekanan inflasi.

Harga siling minyak masak

yang ditetapkan sejak 1997 untuk kegunaan isi rumah bagi bungkusan paket 1 kg dan botol di Malaysia dengan berat 0.5, 1, 2 dan 5 kilogram adalah RM1.85, RM2.50, RM3.30, RM6.25 dan RM13.35. Harga siling itu jauh lebih rendah berbanding harga runcit di negara jiran. Umpamanya, harga runcit bagi bungkusan 1 kg adalah RM3.60 di Indonesia, RM4.27 di Filipina, RM4.76 di

Thailand dan RM6.80 di Singapura.

Bagi membendung kenaikan harga serta membantu golongan berpendapatan rendah, Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (Cooking Oil Stabilisation Scheme) (COSS) dilaksanakan mulai 1 Jun 2007. Di bawah skim ini, Kerajaan membiayai kuota bulanan sebanyak 70,323 tan setiap bulan dengan anggaran subsidi tahunan

antara RM1.7 bilion hingga RM1.8 bilion.

Tindakan dan sikap rasional pengguna dan peniaga penting bagi mengelak krisis bekalan minyak masak bersubsidi daripada berulang. Aktiviti pembelian minyak masak secara berlebihan dan perbuatan menyorok barang bagi tujuan mengaut keuntungan boleh menyebabkan krisis bekalan minyak sawit bersubsidi.

# Pekebun kecil sawit rugi RM112,500

Oleh Haris Hafizan Abdullah  
hafizan@mpob.gov.my

**M**UKAH: Seramai 40 pekebun kecil sawit dengan keluasan tanaman lebih 100 hektar di sini, mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM112,500 selepas tanaman sawit mereka dilanda banjir sejak awal Januari lalu.

Hasil buah sawit yang dianggarkan 150 tan dari kebun ditenggelami air banjir itu tidak dapat dituai dan dengan harga buah sawit RM750 satu tan pada masa ini, pekebun itu dianggarkan mengalami kerugian berjumlah RM112,500.

Air pasang besar dan hujan lebat beberapa hari menyebabkan air sungai di kawasan berdekatan melimpah dan menyebabkan banjir. Di samping itu, sistem perparitan yang jarang diselenggara pihak berkenaan juga menjadi salah satu faktor fenomena banjir ini.

Seorang pekebun sawit yang juga pemilik Plot Demonstrasi MPOB, Hamdi Alwi, berkata banjir itu menenggelamkan kebun sawitnya selama empat hari dan semua aktiviti

Hasil kebun lebih 100 hektar yang ditenggelami banjir tidak dapat dituai

penyenggaraan kebun dan penuaian buah sawit tidak dapat dilakukan.

"Saya mempunyai kebun berkeluasan 2.5 hektar dan setiap bulan berupaya menuai dan menjual buah sawit sejumlah 3 hingga 4 tan. Fenomena banjir kali ini menyebabkan saya kerugian antara RM2,250 hingga RM3,000 bulan ini.

"Banjir kali ini antara yang terburuk sejak banjir besar melanda kawasan ini pada tahun 2008 di mana seluruh kawasan kebun sawit di sini ditenggelami air banjir melebihi satu meter.

"Saya dapati kesan akibat ditenggelami air banjir itu pokok sawit di kebun saya mengambil masa 5 hingga 6 bulan untuk pulih dan mengeluarkan hasil secara normal," katanya.

Saya merayu kepada pihak berkuasa supaya melakukan penyenggaraan dan membetulkan parit-parit utama yang mengalirkan air ke sungai supaya keadaan banjir seperti ini dapat dielakkan.



HAMDI (kiri) bersama penulis di kawasan kebun sawit (Plot Demo MPOB) yang ditenggelami banjir.

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

## Belia digalak sertai kerjaya sektor perladangan

**P**ULAU PINANG: Belia lepasan sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi serta pencari kerja dinasihat mencubai bidang kerjaya di sektor perladangan komoditi, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin.

Sektor Komoditi terutama perladangan sawit memerlukan ramai pekerja untuk pelbagai kategori khususnya penuai buah sawit yang mengalami kekurangan pekerja di estet sawit seluruh negara. "Tahun 2009, Sektor Perladangan Komoditi menggunakan seramai 1,023,402 tenaga kerja dan daripada jumlah itu seramai 610,135 orang bekerja di Sektor Perladangan Sawit," katanya. Sejumlah 176,795 orang atau 35 peratus adalah penuai buah sawit masih tidak mencukupi untuk melakukan kerja penuaian dan dianggarkan negara memerlukan antara 30,000 hingga 40,000 penuai lagi bagi melakukan kerja itu di keseluruhan kawasan estet sawit negara yang mencecah 4.8 juta hektar.

"Kita menganggarkan dengan keluasan estet sawit yang direkodkan sehingga 2009 itu, sejumlah 2,000 orang Pe-

ngurus Ladang juga masih diperlukan disamping bagi setiap pengurus itu juga memerlukan dua orang penolong pengurus dan seorang penyelia," katanya.

Hamzah berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar dan Pameran Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) di Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) di sini, baru baru ini.

Seminar sehari itu dihadiri lebih 600

**“Kementerian akan terus bekerja keras bagi memastikan tenaga kerja Sektor Perladangan Komoditi tidak menjadi penghalang kepada kemajuan sektor ini”**

**Datuk Hamzah Zainuddin.**  
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

belia lepasan sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi serta belia yang sedang mencari pekerjaan di negeri utara semenanjung khususnya Pulau Pinang.

Agensi di bawah seliaan KPPK, iaitu MPOB, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Lembaga Lada Malaysia turut mengambil bahagian dan mempamerkan peluang kerjaya di sektor komoditi masing-masing.

Beliau berkata, Kementerian akan terus bekerja keras bagi memastikan tenaga kerja Sektor Perladangan Komoditi tidak akan menjadi penghalang kepada kemajuan sektor ini.

Syarikat perladangan juga disarankan memainkan peranan seperti menyediaan kemudahan perumahan dan kemudahan asas lain yang sewajarnya kepada pekerja dan keluarganya bagi menarik minat dan menjadikan kerjaya di Sektor Perladangan Komoditi itu sebagai kerjaya sepanjang hayat.

## SKIM DISKAUN CANTAS

### JIMAT RM1 000!!!

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas)

TUNGGU APA LAGI!!!  
SIAPA CEPAT DIA DAPAT

**KEWAJIBAN CANTAS**  
Untuk semua bandar dan kampung pejabat sawit serta kebun dan kebun memungutkan keselamatan pemakai.

**KEWAJIBAN CANTAS**

- Penuai - nilai tertinggi yang mudah, stabil dan tahan lama.
- Model terbaru - lebih stabil dan lebih membolehkan kerja lebih produktif.
- Menjana tenaga yang lebih banyak dan lebih tahan lama.
- Menjana tenaga memotong lebih banyak dan lebih tahan lama.
- Mempunyai produktiviti tinggi.
- Mempunyai pemampatan bagi yang memotong sawit.
- Lebih selamat dan lebih tahan lama.

**SIAPA YANG LAINNYA**

- 1. Mempunyai lesen atau lesen memotong sawit.
- 2. Mempunyai lesen memotong sawit.
- 3. Mempunyai lesen memotong sawit.
- 4. Mempunyai lesen memotong sawit.

\*\* terkini - Bagi pekebun kecil persendirian yang memuai kebun sendiri, minimum keluasan penuaian adalah 2ha

BAGAIMANA MEMOHOT  
Persekitaran sekitar bandar dan kampung pejabat sawit serta kebun dan kebun memungutkan keselamatan pemakai.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

- Zulkifli Abd Manaf (Tel: 03-8769 4489/012-226 0586)
- Shellyza Mohd Isahak (Tel: 03-8769 4540/012-625 8207)





# Tekanan meningkatkan hasil pengeluaran makanan

## Peranan kritikal minyak sawit tingkatkan keselamatan makanan dunia

**P**ENDUDUK dunia ketika ini dianggarkan berjumlah 6.8 bilion. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 8 bilion pada tahun 2030 dan 8.9 bilion pada tahun 2050. Kesan daripada kenaikan ini ialah tekanan untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Ketika ini, lebih 1 bilion penduduk atau 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk dunia hidup dalam kebuluran. Di permulaan abad ke-21, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengumumkan 8 Matlamat Pembangunan Milenium di mana membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran menjadi agenda utama.

Kesedaran untuk menangani masalah ini dibincangkan di Persidangan Kemuncak Dunia Mengenai Keselamatan Makanan (*World Summit on Food Security*) di Rome pada November 2009.

Pada April 2010, Bank Dunia melancarkan Program Pertanian Global dan Keselamatan Makanan bertujuan meningkatkan keselamatan makanan dan pendapatan negara miskin melalui bantuan di dalam sektor pertanian yang dijana melalui tabung amanah antarabangsa.


Apakah yang dimaksudkan dengan keselamatan makanan? Menurut huraian Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO), keselamatan makanan hanya wujud apabila kesemua penduduk mempunyai akses fizikal dan ekonomi terhadap sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat untuk memenuhi keperluan makanan mereka pada bila-bila masa serta mempunyai pilihan terhadap kepelbagaian makanan untuk menjalani kehidupan yang aktif dan sihat.

Sawit (*Elaeis guineensis*) adalah tanaman pertanian yang penting kerana ia mampu menghasilkan tiga jenis sumber makanan berlainan iaitu minyak sawit, minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit (*palm kernel cake*).

Secara purata, satu hektar tanaman sawit mampu menghasilkan 3.7 tan minyak sawit, 0.4 tan minyak isirung sawit dan 0.6 tan dedak isirung sawit.

Dua produk pertama ini boleh dijadikan bahan makanan manusia seperti minyak masak, marjerin, lemak, minyak sapi, aiskrim dan Vitamin E, manakala dedak isirung sawit pula dijadikan makanan haiwan ternakan seperti lembu.

Perbandingan Produktiviti  
Tanaman Minyak Sayur-Sayuran



Indonesia dan Malaysia adalah pengeluar utama minyak sawit dunia dengan masing-masing menghasilkan 21.1 juta tan (Indonesia) dan 17.6 juta tan (Malaysia) minyak sawit pada tahun 2009.

Jumlah pengeluaran minyak sawit di kedua-dua negara ini mencecah 85.3 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit dunia.

Minyak sawit adalah penyumbang terbesar kepada jumlah pengeluaran minyak sayuran dan lemak dunia dengan

sumbangan sebanyak 27.6 peratus atau 45.36 juta tan pada tahun 2009.

Ini diikuti oleh minyak kacang soya di tempat ke-2 dengan 21.8 peratus atau 35.9 juta tan, lemak haiwan dengan 14.8 peratus atau 24.4 juta tan dan minyak biji sesawi dengan 13.1 peratus atau 21.5 juta tan.

Rintangan utama yang perlu ditangani untuk mencapai keselamatan makanan di masa hadapan ialah perolehan kawasan pertanian yang semakin berkurangan akibat kesan peningkatan bilangan penduduk.

Ini terbukti apabila kajian menunjukkan kepadatan penduduk dunia yang sedang meningkat mengakibatkan kawasan pertanian turun daripada 0.75 hektar untuk setiap orang pada tahun 1922 kepada 0.23 hektar untuk setiap orang pada tahun 2005 dan 0.19 hektar untuk setiap orang pada tahun 2030.

Senario ini akan menggugat keselamatan makanan di masa hadapan kerana tanah yang sedia ada juga diperlukan untuk menampung jumlah bilangan penduduk berbanding diusahakan untuk tujuan pertanian.

Oleh yang demikian satu tindakan bijak perlu diambil untuk memaksimumkan pengeluaran makanan daripada keluasan tanah pertanian yang semakin berkurangan. Penanaman sawit sebagai tanaman pertanian utama dunia mampu merealisasikan impian ini.


Ini kerana, sawit mempunyai produktiviti yang tertinggi berbanding tanaman minyak sayuran lain dengan hasil pengeluaran minyak sayuran sebanyak 4.1 metrik tan per hektar berbanding tanaman biji sesawi (0.59 tan per hektar), bunga matahari (0.42 tan per hektar) dan kacang soya (0.36 tan per hektar).

Dengan kata lain, sekiranya sawit menggantikan keseluruhan tanaman biji sesawi di dunia, keluasan tanah yang diperlukan oleh sawit untuk menghasilkan jumlah minyak sayuran yang sama seperti dihasilkan biji sesawi adalah 7 kali ganda lebih kecil.

Sekiranya sawit menggantikan tanaman kacang soya atau bunga matahari pula, sebanyak 10 hingga 11 kali ganda keluasan tanah mampu dijimatkan untuk menghasilkan jumlah minyak sayuran yang sama seperti dihasilkan tanaman-tanaman ini.

Tanah yang dijimatkan ini pula boleh diguna untuk tanaman lain atau diusahakan untuk penternakan haiwan.

Perbandingan Keluasan Tanaman Minyak Sayuran Dunia 2009:  
Jumlah Keluasan Tanaman 233 juta hektar  
(Sumber: Oil World (2010))



Keberkesanan sawit untuk menjamin keselamatan makanan juga berpunca daripada hasil kajian yang dilakukan Malaysia. Ini termasuklah penanaman klon baru yang mampu menghasilkan 25 hingga 50 peratus lebih banyak tandan segar buah sawit.

Oleh yang demikian, produktiviti tanaman sawit boleh dipertingkatkan lagi di dalam masa terdekat tanpa membuka kawasan tanah berhutan yang baru.

Minyak sayuran seperti sawit, bunga matahari, biji sesawi dan kacang soya juga boleh dijadikan bahan bakar bio. Bahan bakar bio menjadi isu perdebatan terkini kerana ia memberi saingan terhadap kegunaan minyak sayuran yang selama ini digunakan untuk makanan.

Chatham House, sebuah institut pemikiran ekonomi dari United Kingdom, membuat perangkaan bahawa pada tahun 2015 sebanyak 28 peratus atau 57 juta tan minyak sayuran akan digunakan sebagai bahan bakar bio dengan baki 72 peratus lagi dijadikan bahan makanan.

Penggunaan ini dijangka akan meningkat pada tahun 2050 dengan 39 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran minyak sayuran akan digunakan sebagai bahan bakar bio dan selebihnya sebagai bahan makanan.

Bagaimanapun senario ini tidak mungkin akan berlaku. Ini kerana kemajuan teknologi terkini mampu menghasilkan bahan bakar bio yang berasaskan biojisim (biomass) seterusnya mengurangkan permintaan ke atas minyak sayuran sebagai bahan bakar bio.

Di dalam perkara ini, sawit mempunyai kelebihan berbanding kacang soya, bunga matahari ataupun biji sesawi kerana sebagai tanaman tahunan berpokok (perennial tree crop), sawit mampu menghasilkan sejumlah besar biojisim di sepanjang tahun.

Ketika ini, tempurung sawit dijadikan sumber bahan api sementara tandan kosong buah sawit boleh dijadikan briket. Malah, gas methana daripada kolam sisa buangan sawit juga boleh dijadikan biogas. Di samping menjamin keselamatan makanan, industri sawit juga mampu menjana perniagaan baru dengan menjadikan bahan buangnya sebagai sumber pendapatan sampingan.

Sawit boleh meningkatkan keselamatan makanan dengan memastikan persaingan yang minimum di antara keperluan makanan dan bahan bakar bio jika biojisimnya dimanfaatkan sepenuhnya sebagai bahan bakar bio. Oleh yang demikian setiap kenaikan harga pasaran minyak sayuran bukanlah akibat daripada kesan persaingan ini.

Salah satu faktor yang sering menggugat keselamatan makanan adalah ketidakmampuan penduduk luar bandar terutama yang hidup di dalam kemiskinan untuk mendapatkan makanan mencukupi. Sawit adalah tanaman ekonomi yang terbukti berupaya membanteras kemiskinan kerana model penanaman sawit diperkenalkan oleh FELDA di Malaysia adalah sangat berkesan.

Kesimpulannya, minyak sawit adalah peneraju kepada minyak sayuran dalam menangani isu keselamatan makanan dunia. Ini kerana, sawit hanya memerlukan keluasan tanah yang paling minimum untuk menghasilkan jumlah minyak sayuran yang sama seperti dihasilkan tanaman saingan lain.

Dengan ini, sawit mampu menjimatkan penggunaan tanah yang selebihnya boleh digunakan untuk aktiviti ekonomi lain seperti menanam tanaman lain atau diusahakan untuk penternakan haiwan. Penanaman sawit juga terbukti mampu membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar serta kebuluran yang merupakan agenda utama Matlamat Pembangunan Millennium.

Memastikan bekalan minyak sayuran ke pasaran dunia mencukupi dan dijual dengan harga berpatutan adalah sangat penting bagi masyarakat yang berpendapatan rendah di negara membangun. Sebarang cubaan mengehadkan perluasan kawasan tanaman sawit seperti dilakukan pertubuhan bukan kerajaan asing (NGOs) di dalam kempen antiminyak sawit mereka hanya akan meninggalkan kesan yang paling teruk ke atas keselamatan makanan di kalangan penduduk di negara membangun.

Ia juga akan menyebabkan berlakunya penebangan hutan secara besar-besaran di seluruh dunia kerana berbanding sawit, sebanyak 10 kali ganda kawasan pertanian baru diperlukan untuk tanaman minyak sayuran lain untuk mengisi keperluan makanan yang semakin meningkat di masa hadapan.

Artikel ini disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal bertajuk, *Critical Role of Palm Oil in Enhancing Food Security*. Sila layari [www.ceopalmoil.com](http://www.ceopalmoil.com) untuk mendapatkan salinan asal artikel ini]





**D**ewasa ini, permintaan terhadap kelapa sawit negara semakin meningkat dari tahun ke setahun. Banyak syarikat telah dibuka untuk memenuhi permintaan minyak sawit negara. Namun, kita tidak harus meminggirkan pekebun kecil yang selama ini membekalkan sawit untuk keperluan industri.

Pekebun kecil ini walaupun tidak dapat membekalkan buah tandan segar dengan jumlah yang banyak tetapi turut memberi impak yang besar terhadap pembangunan negara.

Pekebun kecil sawit adalah pembekal buah tanda segar yang berterusan serta mampu menampung kekurangan bekalan buah tandan segar negara. Justeru penubuhan koperasi adalah penting bagi memastikan pekebun kecil dapat menjalankan aktiviti pertanian dengan lebih baik dan seterusnya membekalkan sawit kepada negara.

Koperasi adalah sebuah pertubuhan atau persatuan yang diwujudkan secara sukarela yang dimiliki, dikuasai dan dilanggani oleh anggota. Ditadbir secara demokrasi untuk memenuhi keperluan sosio-ekonomi dan cita-cita bersama. Koperasi sebagai satu kaedah menguruskan kegiatan ekonomi iaitu buah tandan segar dengan secara bergotong-royong atau bekerja bersama-sama. Kejayaan sesebuah koperasi adalah bergantung kepada kerjasama dan permuafakatan antara ahli-ahlinya.

Justeru, melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melaksanakan strategi bagi meningkatkan produktiviti sawit dan pendapatan pekebun kecil sawit melalui penubuhan koperasi yang dikenali Koperasi Penanam Sawit Mampar. Cara ini dianggap sebagai paling efektif untuk mengukuhkan kerjasama yang utuh antara MPOB dengan memaksimumkan keupayaan pekebun kecil sawit.

Kebaikan koperasi kepada pekebun kecil sawit yang paling utama ialah dapat memajukan ekonomi pekebun. Hal ini kerana koperasi membantu memperbaiki taraf hidup pekebun terutama pekebun yang mengalami kekurangan modal.

Koperasi membolehkan pekebun ke-

## Penubuhan koperasi pekebun kecil sawit beri kebaikan

Pemenang pertama  
Nur Arifah Bt Kadri  
(K/P: 980321-38-5370)  
SMK Raja Lope Nor Rashid,  
Tanjung Piandang, Perak  
Darul Ridzuan

cil menjalankan aktiviti pertanian dan berusaha untuk memaju dan membangunkan pekebun. Koperasi adalah satu badan yang bertanggungjawab memastikan pekebun kecil sawit sentiasa menjalankan aktiviti pertanian dan seterusnya meningkatkan pemberian faedah kepada ahli-ahli atau memberi bantuan kewangan sekiranya diperlukan kepada ahli-ahlinya.

Penubuhan koperasi juga bukan hanya berperanan memberi bantuan bahkan ia meliputi penyatuan pekebun kecil secara setempat dan berkelompok bagi merealisasikan matlamat yang digariskan MPOB iaitu pelaksanaan Amalan Pertanian. Pelaksanaan amalan ini bagi memudahkan dan melayakkan pekebun kecil sawit mendapat skim-skim bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Selain itu, koperasi menyediakan pendidikan dan latihan kepada pekebun kecil melalui bimbingan pegawai-pegawai TUNAS MPOB. Antara latihan dan khidmat nasihat yang diberi ialah mengenai penggunaan baja yang sesuai dari segi tempoh masa dan jenis baja yang digunakan. Pekebun kecil sawit akan dapat mengurus kebun dengan lebih baik setelah mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pegawai yang bertauliah. Pihak koperasi juga akan memantau perkembangan pekebun kecil dari semasa ke semasa agar keuntungan dapat diperoleh pada tahap yang paling maksimum.

Koperasi juga menitikberatkan tanggungjawab sosial ahli-ahlinya. Apabila pekebun kecil menghadapi masalah kewangan, pinjaman boleh dipertimbangkan. Selain itu, pinja-

man secara kredit juga disediakan untuk kemudahan ahli-ahlinya. Ahli koperasi akan memberi tumpuan kepada masalah berkaitan sawit sehingga dapat diatasi dengan sebaik mungkin terutama dari segi bantuan yang diperlukan dengan mendapatkan khidmat daripada golongan yang bertauliah dan lebih berpengalaman.

Seterusnya, koperasi menyediakan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anggota bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. Contohnya perkhidmatan pengangkutan untuk mengangkut buah tandan segar ke kilang kelapa sawit, pembelian jentera serta peralatan untuk kegunaan ladang sawit seperti Cantas dan sebagainya. Perkhidmatan yang diberikan ini adalah semata-mata untuk kegunaan dan kepentingan pekebun kecil. Hal ini dapat memudahkan pekebun yang menjalankan aktiviti penanaman, penuaian dan jual beli sawit dengan sistematik dan teratur.

Kebaikan lain melalui penubuhan koperasi ialah buah tandan segar dapat dipasarkan dengan lebih baik dan lebih terurus. Pekebun kecil tidak perlu lagi bersusah payah mencari pembeli kerana koperasi bersedia menerima hasil buah tandan segar untuk dijual kepada kilang-kilang memproses buah. Dengan cara ini, pekebun tidak perlu berurusan dengan orang tengah yang senang-lenang mengaut keuntungan tanpa perlu bekerja keras.

Kesimpulannya, penubuhan koperasi memberikan kebaikan kepada pekebun kecil sawit secara keseluruhannya. Ini kerana koperasi bertindak membantu pekebun untuk menjalankan aktiviti pertanian dengan lebih baik serta dapat mengaut keuntungan untuk memajukan ekonomi ahli-ahlinya. Oleh itu, koperasi wajar ditubuhkan supaya pekebun kecil sawit dapat meningkatkan produktiviti seterusnya pendapatan negara.

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit bulan Februari 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Minyak sawit antara sumber makanan utama dunia. Bincangkan."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

**Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;**

Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2011 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

Keputusan juri adalah muktamad. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Februari 2011

**Hantarkan penyertaan ke alamat:**

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
Ibu Pejabat MPOB  
Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang

Esei Berita Sawit Bulan Januari 2011

### Pemenang:

#### Hadiah Pertama

Nur Arifah Kadri  
(No. K/P: 980324-38-5370)  
SMK Raja Lope Nor Rashid,  
34250 Tanjung Piandang,  
Perak Darul Ridzuan.

#### Hadiah Kedua

Mohamad Ariffin Mustafa  
(No. K/P: 940311-01-6713)  
SMK Semerah,  
83600 Semerah,  
Batu Pahat, Johor.

#### Hadiah Ketiga

Mohammad Hakimi Mohammad Haidzir  
(No. K/P: 960801-08-5269)  
SMK Tengku Menteri,  
34850 Changkat Jering,  
Perak.

### KUIZ

## KUIZ SAWIT SIRI 2



### SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 26 Februari 2011
- Hantarkan jawapan beserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
- Ketua Pengarang Berita Sawit  
Kuiz Sawit (Siri 2)  
Ibu Pejabat MPOB  
Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
(UP: Rashidah Mat Nor)  
Atau melalui Faks :03-89264572

### SOALAN KUIZ

1. Apakah singkatan bagi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)
  - MPOC
  - MMSM
  - MPOM
2. Apakah maksud MSM
  - Minyak Sawit Merah
  - Minyak Sawit Mentah
  - Minyak Siap Masak
3. Buah sawit boleh dikait dengan menggunakan Pemetong Sawit Bermotor. Apakah nama mesin tersebut?
  - CANTAC
  - CANTAS
  - Sawit Bermotor
4. Apakah nama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi?
  - Tan Sri Bernard Dompok
  - Tan Sri Yusof
  - Tan Sri Bernard
5. Apakah warna buah sawit yang masak?
  - Kuning jernih
  - Merah pekat
  - Kuning kemerahan
6. Namakan jenis burung yang menjaga pokok sawit dari diserang makhluk perosak?
  - Burung Hantu
  - Burung Tiong
  - Burung Nuri
7. Negara manakah dikenali sebagai pengeluar minyak sawit yang terbesar didunia?
  - Iran
  - China
  - Malaysia
8. Ibu Pejabat MPOB terletak dimana?
  - Bangi
  - Rompin
  - Kuala Lumpur
9. Apakah maksud TUNAS?
  - Tunjuk Ajar Sifu
  - Pusat Tunjuk Ajar Dan Nasihat Sawit
  - Tunjuk dan Ajar Sawit
10. Dimanakah minyak sawit diproses?
  - Kilang Sawit
  - Kilang Ubat
  - Pasaraya

### BORANG PENYERTAAN

- Nama : .....
- Tahap : .....
- Alamat Sekolah : .....
- .....
- No. Tel: .....
- Tandatangan Guru: .....

### SENARAI PEMENANG KUIZ SAWIT (SIRI 1)

1. Nurin Athilah Mohd Azium - Sek. Keb. St. Monica, Sandakan, Sabah
2. Muhammad Arif Mursyid Syed Jahir - Sek. Keb. Bukit Minyak, Bkt. Mertajam, Pulau Pinang
3. Izzyan Syuhaniz M. Nazri - Sek. Keb. Bandar Tun Razak, Pahang
4. Nurul Afiqah Mohd Yusoff - Sek. Keb. Kubor Panjang, Alor Star, Kedah
5. Wan Hafiz Zikri Abdul Rahman - Sek. Keb. Jabi, Pokok Sena, Kedah
6. Ahmad Falez Azhari Ismail - Sek. Keb. Leftenan Adnan, Kajang
7. Ubaidullah Taquiuddin Izzul Islam - Sek. Keb. Balok Makmur, Kuantan, Pahang
8. Nurshafikah Alias - Sek. Keb. Tmn. Nirwana, Ampang, Selangor
9. Mohd Kamal Mohd Khari - Sek. Keb. Balak, Kuantan, Pahang
10. Muhammad Luqman Al-Hakim Zool Khibri - Sek. Keb. Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor





TAN Sri Bernard Dompok (tengah) bersama Menteri Industri dan Produk Pakistan, Mir Hazar Khan Bijrani (tiga dari kiri) selepas perasmian Palm Oil Trade and Seminar (POTS) Karachi 2011. Turut kelihatan, dari kiri; Datuk Dr Choo Yuen May, Dato' Lee Yeow Chor, Dato' Admad Anuar Adnan, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Tan Sri Dr Yusof Basiron.



PENGERUSI PPK Subis, Tuai Rumah Boniface Bada Enjah (dua dari kiri) menerima trofi Anugerah Khas Pengerusi MPOB sempena Majlis Anugerah Industri Sawit Malaysia 2010 dari Tan Sri Bernard Dompok (kiri). Turut kelihatan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (tengah), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengurus Besar PPK Subis, Yeong Kui Po (dua dari kanan).



TAN Sri Bernard Dompok menyampaikan bantuan input pertanian kepada salah seorang pekebun kecil pada Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah.



TAN Sri Bernard Dompok bersalaman dengan sebahagian daripada pekebun kecil sawit pada Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah.



TIMBALAN Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin mencuba peralatan mengutip buah lerai sawit 'roller picker' hasil ciptaan MPOB sempena Program Seminar dan Pameran Komoditi di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang baru-baru ini.

## B Tan Sri Bernard Dompok

ter, Plantation Industries & Commodities, Malaysia  
25th January 2011

TAN Sri Bernard Dompok semasa dialog dengan pihak industri sempena 'Reach and Teach Friends of the Industry Seminar: Challenges and Opportunities in 2011' di Putrajaya, baru-baru ini. Turut kelihatan, dari kiri; Tan Sri Dr Yusof Basiron, Dato' Lee Yeow Chor dan Datuk Dr Choo Yuen May.



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad menyampaikan replika Sijil Keahlian Koperasi Penanam Sawit Mapan Kluang Utara kepada Azhar Surif sempena pelancaran koperasi itu, baru-baru ini. Turut kelihatan, Pemangku Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo (belakang) Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, Idris Omar (kanan).